

20 SEP 2002

Mahathir-Berlepas (Bergambar)

MAHATHIR BERLEPAS KE COPENHAGEN UNTUK MESYUARAT ASEM IV

SEPANG, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berlepas ke Copenhagen, Denmark untuk mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Asia-Eropah ke-empat (ASEM IV) yang berlangsung dari 22 hingga 24 Sept.

Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada 1.30 pagi.

Turut hadir untuk mengucapkan selamat jalan kepada mereka ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan beberapa Menteri Kabinet.

Delegasi Malaysia ke mesyuarat itu terdiri daripada Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan para pegawainya serta para pegawai Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Semasa mesyuarat itu, para pemimpin kedua-dua benua dijangka membincangkan isu-isu keselamatan antarabangsa selepas tragedi 11 Sept tahun lepas, keganasan antarabangsa dan jenayah merentasi sempadan.

Mesyuarat itu juga akan membincangkan langkah-langkah memulihkan ekonomi dunia melalui kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan dengan melaksanakan objektif-objektif tegas dalam menggalakkan perdagangan.

Mesyuarat itu dijangka membincangkan isu-isu membabitkan Semenanjung Korea, Asean campur Tiga dan usaha memperluaskan Kesatuan Eropah.

Perdana Menteri turut dijadualkan mengada rundingan dua hala bersama-sama rakan-rakan ASEM.

ASEM I diadakan di Bangkok pada 1996, ASEM II di London pada 1998 dan ASEM III di Seoul pada 2000. Anggota-anggota ASEM dari Asia ialah Brunei, China, Indonesia, Jepun, Malaysia, Filipina, Republik Korea, Singapura, Vietnam dan Thailand.

Rakan-rakan mereka dari Eropah ialah Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greek, Ireland, Itali, Luxembourg, Belanda, Portugal, Sepanyol, Sweden, United Kingdom dan Suruhanjaya Eropah.

-- BERNAMA

MUN AFY NAK